

**PERMODALAN BSN BERHAD UMUM PENGAGIHAN PENDAPATAN SEBANYAK 2.5 SEN SEUNIT UNTUK AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL DAN 3.0 SEN SEUNIT UNTUK BSN DANA AL-JADID UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010.**

**Permodalan BSN Berhad** (PBSNB), anak syarikat milik penuh Bank Simpanan Nasional (BSN), hari ini mengumumkan pembayaran pengagihan pendapatan kasar sebanyak 2.5 sen seunit untuk Amanah Saham Bank Simpanan Nasional (ASBSN) dan 3.0 sen seunit untuk BSN Dana Al-Jadid (Jadid) yang melibatkan jumlah pembayaran masing-masing sebanyak RM6.95 juta dan RM3.95 juta.

Pelabur-pelabur yang memegang unit amanah sehingga 31 Disember 2010 layak mendapat pengagihan ini. Berdasarkan kepada purata harga jualan sepanjang tahun Kewangan 2010, pengagihan pendapatan ASBSN bersamaan dengan perolehan kasar sebanyak 6.96% dan bagi Jadid ianya bersamaan dengan 11.60%. Pembayaran akan di buat pada **15 April 2011**.

Ahli Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan mengucapkan terima kasih kepada pelabur-pelabur yang setia. Pihak Pengurusan juga akan sentiasa berusaha bagi mempertingkatkan pencapaian untuk tahun-tahun akan datang.